



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## TEKS UCAPAN

Y.BHG DATO' DR. MEGAT SANY BIN MEGAT  
AHMAD SUPIAN

SEMPENA MAJLIS MEMPERKENALKAN  
PASUKAN MALAYSIAN UNIVERSITY KE  
KEJOHANAN LIGA BOLA SEPAK WANITA (LWN)  
2023

TARIKH : 4 OGOS 2023 (JUMAAT)  
MASA : 3:00 PETANG- 4:30 PETANG  
TEMPAT : BILIK JAMUAN, ARAS 15, KPT

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum W.B.T, Selamat Sejahtera dan Salam  
Malaysia Madani.**

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Universiti Teknologi MARA**

**Pn. Fazidah Binti Mustafa  
Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik  
Kementerian Pendidikan Tinggi**

**YBrs. Dr. Shahrulfadly bin Rustam  
Pengarah  
Akademi Kecergasan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**

**En. Ahmad Tarmizy Bin Mohamed  
Pengarah  
Pusat Sukan  
Universiti Teknologi MARA**

**Wakil dari Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah  
(UPSI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM)**

**Atlet- atlet, rakan-rakan media, Tuan-tuan, Puan-puan,  
Saudara-saudari dan para hadirin yang saya hormati  
sekalian.**

1. Terlebih dahulu, sukalah saya melahirkan rasa penuh kesyukuran kehadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam **Majlis Memperkenalkan pasukan *Malaysian University* ke kejohanan Liga Bola Sepak Wanita (LWN) 2023 pada petang ini.** Izinkan saya terlebih dahulu merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Seksyen Sukan yang sudi menjemput saya untuk bersama-sama dengan para atlet dan tuan/puan pada petang ini .
2. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sukan merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan kita. Sukan secara lazimnya akan dikaitkan dengan kekuatan dan keupayaan fizikal seseorang individu menguasai kemahiran, strategi serta taktikal sesuatu acara atau aktiviti sukan.
3. Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Seksyen Sukan sentiasa menyokong usaha-usaha Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) di dalam membangunkan sukan Bola Sepak Wanita di negara ini. Bagi maksud tersebut, peranan Pusat Sukan

Tumpuan (PST) Bola Sepak iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) harus diperluaskan kepada pasukan Bola Sepak Wanita dan tidak tertumpu pada Bola Sepak lelaki sahaja. Kementerian dan Universiti-universiti harus sama-sama berganding bahu dan membantu UiTM dalam usaha untuk meningkatkan pendayaupayaan dan pemerkasaan golongan wanita di negara ini melalui pelbagai program dan inisiatif sukan supaya pengupayaan wanita dapat berada di tahap optimum dan semua golongan wanita dapat disantuni berlandaskan konsep inklusiviti.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

4. Saya dimaklumkan pasukan Malaysian University ini terdiri daripada mahasiswi-mahasiswi yang terdiri daripada 4 Universiti Awam iaitu Universiti Teknologi MARA(UiTM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
  
5. Pemain-pemain pasukan ini juga adalah merupakan atlet-atlet yang telah mewakili Sukan Sea dan AFF U-19 pada tahun 2023. Justeru itu, berbekalkan pengalaman yang diperolehi diharap pemain-pemain ini dapat membimbing rakan-rakan pasukan untuk sama-sama mencapai kemenangan di setiap perlawanan nanti.

6. Kejayaan atlet-atlet IPT selepas pasca Covid-19 adalah sangat memberangsangkan. Hal ini terbukti dengan kejayaan di beberapa kejohanan yang disertai samada di peringkat Tempatan dan Kebangsaan. Baru- Baru ini, atlet Wushu yang juga mahasiswa dari *Asia Pasific University* (APU) iaitu Tammy tan telah mencipta sejarah baru dengan mendapatkan pingat emas pertama kejohanan Sukan Universiti Dunia (*UNIVERSIADE*) sejak penyertaan di *Universiade KOBE*, Jepun pada tahun 1985.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

7. Saya mengharapkan dengan semangat atlet Wushu Tammy tan ini, pemain-pemain Bola Sepak Wanita pasukan *Malaysian University* dapat menbanggakan warga IPT dan Kementerian khususnya dengan menjadi Juara bagi Liga Bola Sepak Wanita (LWN) pada tahun ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan selamat berjuang kepada semua atlit dan pegawai yang akan mengharungi kejohanan ini. Semoga

kita memperolehi kejayaan dan seterusnya melakar sejarah baru yang boleh dibanggakan.

Selamat Maju Jaya.

Sekian, terima kasih.